



LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menerima Akaun Pelaburan e-Emas. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat amnya.)

Public Bank Berhad 196501000672 (6463-H)

Nama Produk yang Ditawarkan:

Akaun Pelaburan e-Emas (eGIA)

Tarikh: 20 Jun 2022

1. Apakah produk ini?

- Akaun Pelaburan e-Emas (eGIA) ialah akaun dalam talian yang membenarkan pelanggan individu untuk melabur dalam komoditi emas yang paling tulen dengan kehalusan 99.9% pada harga harian dalam Ringgit Malaysia (RM) tanpa perlu menyimpan emas fizikal.
- Pembukaan akaun dan perdagangan emas eGIA boleh dibuat dalam talian melalui PBe (www.pbebank.com).
- Semua urusan niaga akan direkodkan dalam e-penyata bulanan melalui PBe.
- eGIA tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

2. Apakah yang saya peroleh dari produk ini?

- Harga emas disebut dalam RM segram.
- Nilai pelaburan akan ditukarkan kepada pemegangan emas yang disebut dalam gram berdasarkan harga emas semasa di pasaran.
- Nilai pokok tidak dijamin.
- Keuntungan modal jika terdapat kenaikan harga emas atau sebaliknya.
- Kemudahan pembukaan akaun dan perdagangan emas dalam talian melalui PBe.

3. Apakah terma dan syarat utamanya?

- eGIA hanya boleh didapati untuk:-
 - (a) Pelanggan individu berumur lapan belas (18) tahun ke atas, yang mempunyai Akaun Semasa atau Akaun Simpanan Konvensional (CASA) atau Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i Islam (CASA-i) peribadi sedia ada dan telah mendaftar untuk PBe; dan
 - (b) Warganegara Malaysia tanpa apa-apa tanda Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA) dan/atau Standard Pelaporan Bersama (CRS).
- eGIA tidak boleh didapati untuk:-
 - (a) CASA/CASA-i Bersama; dan
 - (b) Bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab dan pertubuhan.
- Keperluan minimum:-

Pembelian Permulaan Minimum	1 gram
Belian/Jualan Berikutnya	1 gram dan mestilah dalam gandaan 1 gram
Baki dalam Akaun	1 gram



3. Apakah terma dan syarat utamanya?, samb.

- eGIA akan ditutup secara automatik apabila baki akaun mencecah sifar gram emas.
- Semua belian emas atau jualan emas hanya boleh dibuat dalam talian melalui PBe.
- Urus niaga di kaunter tidak dibenarkan untuk eGIA.
- Semua urus niaga eGIA akan direkodkan dalam gram dalam e-penyata bulanan eGIA yang boleh didapati melalui PBe. Tiada buku simpanan akan dikeluarkan untuk eGIA.
- Belian emas akan berdasarkan harga JUALAN emas semasa Bank yang disebut harga dalam RM setiap gram. Simpanan emas fizikal tidak-dibenarkan. Kaedah pembayaran bagi belian emas akan didebitkan daripada CASA/CASA-i.
- Jualan emas akan berdasarkan harga BELIAN emas semasa Bank yang disebut harga dalam RM setiap gram. Semua hasil daripada jualan emas akan dikreditkan dalam CASA/CASA-i pelanggan.
- Perdagangan emas dalam talian eGIA disediakan melalui PBe seperti yang berikut:
 - (a) Perdagangan dibuka dari 9.30 pagi hingga 4.45 petang, Isnin hingga Jumaat apabila Bank dibuka untuk perniagaan dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
 - (b) Belian dan jualan emas ditawarkan pada harga diskaun.
 - (c) Had urus niaga ditunjukkan di bawah:-

Minimum	1 gram setiap urus niaga.
Maksimum	Belian Emas: Bersamaan dengan RM50,000 setiap eGIA sehari. Jualan Emas: Bersamaan dengan RM50,000 setiap eGIA sehari.

- Perkhidmatan yang tidak disediakan untuk eGIA adalah seperti yang berikut:-
 - (a) Deposit dan pengeluaran emas fizikal;
 - (b) Semua urus niaga melalui ATM;
 - (c) Buku Simpanan fizikal;
 - (d) Deposit tunai melalui Mesin Deposit Tunai atau di kaunter bagi belian emas;
 - (e) Deposit cek melalui Terminal Deposit Cek atau di kaunter bagi belian emas;
 - (f) Pindahan dana terus antara eGIA dengan akaun-akaun Public Bank yang lain;
 - (g) GIRO Antara Bank untuk kredit kepada eGIA;
 - (h) Pembelian Pertukaran Asing (FPX);
 - (i) Pembayaran Kredit Elektronik (ECP);
 - (j) Penyata Bergabung;



3. Apakah terma dan syarat utamanya?, samb.

- (k) Pindahan Bertelegraf Masuk untuk kredit terus kepada eGIA ;
- (l) Arahan Tetap.
- Sebagai amalan sedunia, eGIA tidak membayar faedah kerana ia bukannya peletakan deposit. Selain itu, Bank menyimpan emas tersebut dengan bank penjaga yang dibenarkan.

4. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?

- Tiada fi dan caj dikenakan bagi eGIA.

5. Apakah risiko-risiko utamanya?

- Harga sebutan belian/jualan emas akan ditentukan oleh Bank atas budi bicaranya dengan mengambil kira semua faktor yang akan ditentukan oleh Bank sebagai berkaitan, termasuk keadaan semasa pasaran dunia dan tempatan untuk emas, kadar pertukaran antara Dolar Amerika Syarikat dengan Ringgit Malaysia dan ketulenan emas tersebut.
- Pulangan bagi eGIA tertakluk pada pergerakan harga emas antarabangsa. Kerugian modal boleh berlaku disebabkan oleh pelupusan pemegangan emas bukan pada waktunya ketika sentimen harga emas meleset.

6. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan pada butir-butiran untuk menghubungi saya?

- Adalah mustahak untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai perubahan dalam butir-butir untuk menghubungi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

7. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- Akses kepada PBe (www.pbebank.com.my).
- Hubungi talian bebas tol Bank melalui 1-800-22-9999 pada waktu bekerja biasa.
- Kunjungi cawangan Public Bank yang berhampiran.

8. Apakah jenis Akaun Pelaburan Emas lain yang boleh didapati?

- Akaun Pelaburan Emas (GIA) ialah akaun yang membenarkan pelanggan individu dan bukan individu untuk melabur dalam komoditi emas yang paling tulen dengan kehalusan 99.9% pada harga harian dalam Ringgit Malaysia (RM) melalui kaunter di cawangan dan PBe. Pembukaan akaun GIA boleh didapati di cawangan sahaja.

PERINGATAN

PULANGAN AKAUN PELABURAN e-EMAS INI ADALAH TERTAKLUK PADA TURUN NAIK HARGA EMAS.

Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini dikeluarkan pada 20 Jun 2022 dan sah sehingga semakan semula.